



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
UTM-OSHE

UTMOSHE-P0820-A09-GERT
Page : 1 of 12
Revision : 00
Date : 09 September 2020

GARIS PANDUAN PASUKAN BERTINDAK KECEMASAN

GARIS PANDUAN

PENUBUHAN PASUKAN BERTINDAK KECEMASAN

PEJABAT PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



GARIS PANDUAN PASUKAN BERTINDAK KECEMASAN

1.0 PENGENALAN

Kejadian kecemasan atau bencana adalah kejadian berjangka atau tidak dirancang yang boleh berlaku pada bila-bila masa. Kejadian ini boleh menyebabkan kehilangan nyawa dan harta benda sekiranya tiada pihak yang bertanggungjawab untuk menghadapinya dengan baik. Majikan di setiap tempat kerja perlu mewujudkan struktur organisasi Pasukan Bertindak Kecemasan (*Emergency Response Team, ERT*).

Tempat kerja yang mempunyai lebih 40 orang pekerja digalakkan untuk menubuhkan Pasukan Bertindak Kecemasan (ERT). ERT berperanan sebagai Responden Pertama dalam memastikan tindakan awal dapat diambil bagi mengawal kejadian kecemasan di tempat kerja di dalam kampus.

2.0 KEAHLIAN

Pasukan ERT terdiri daripada pekerja dan dilantik oleh Ketua Tempat Kerja yang terdiri daripada Ketua Penyelaras ERT, Pasukan Pengungsian, Pasukan Pemadam dan Penyelamat, Pasukan Pertolongan Cemas dan Pasukan Kawalan Tumpahan. Ahli pasukan ERT perlu mendapat kemahiran dan pengetahuan dalam menghadapi situasi kecemasan seperti kebakaran, kecederaan, tumpahan, gegaran, rusuhan dan seumpamanya. Mereka perlu mempunyai kemahiran dalam menggunakan peralatan kebakaran, rawatan kecemasan dan kelengkapan keselamatan serta berkeupayaan bertindak pada kadar segera untuk mengendalikan situasi kecemasan dengan cekap dan efisien. Jadual 1.1 adalah panduan bilangan Pasukan Pertolongan Cemas yang diperlukan mengikut bilangan pekerja di tempat kerja.

Jadual 1.1 Bilangan Pasukan Pertolongan Cemas yang diperlukan mengikut bilangan pekerja

BILANGAN PEKERJA	BILANGAN PASUKAN PERTOLONGAN CEMAS
< 20 orang	1 orang
21-150 orang	2 orang
>150 orang	2 orang bagi setiap 150 orang pekerja



GARIS PANDUAN PASUKAN BERTINDAK KECEMASAN

3.0 TANGGUNGJAWAB PASUKAN ERT

- (a) Bertanggungjawab terhadap keselamatan pekerja dan pelawat serta persekitaran ketika situasi kecemasan.
- (b) Merancang Pelan Tindakan Kecemasan bersesuaian dengan aktiviti tempat kerja
- (c) Menggerakkan organisasi apabila berlaku kecemasan.
- (d) Menghubungi agensi luar yang berkaitan untuk mendapatkan pertolongan apabila berlaku kecemasan.
- (e) Mengeluarkan arahan untuk mengaktifkan pelan pengungsian bangunan tempat kerja.
- (f) Memaklumkan kepada pihak pengurusan universiti mengenai kejadian kecemasan.
- (g) Menyediakan maklumat untuk laporan kejadian kecemasan yang berlaku.

Perancangan untuk mewujudkan ERP di tempat kerja perlu melibatkan elemen seperti di Rajah 1.1 di bawah.




Rajah 1.1: Panduan Membangunkan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP)



GARIS PANDUAN PASUKAN BERTINDAK KECEMASAN

Rajah 1.2 menunjukkan carta struktur organisasi Pasukan Tindakan Kecemasan yang perlu diwujudkan mengikut zon. Setiap ahli perlu diberikan latihan supaya ahli pasukan faham peranan dan tanggungjawab sekiranya berlaku kecemasan.



Rajah 1.2: Struktur Organisasi Pasukan Tindakan Kecemasan Mengikut Zon



GARIS PANDUAN PASUKAN BERTINDAK KECEMASAN

4.0 KOD WARNA BAGI PENGENALAN PASUKAN TINDAKAN KECEMASAN

Setiap ahli Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) adalah dikehendaki untuk memakai tanda nama, topi dan ves keselamatan sebagai pengenalan diri sewaktu menjalankan tugas semasa berhadapan dalam situasi kecemasan. Jadual 1.2 menerangkan maksud setiap warna topi pengenalan diri mengikut tempat masing-masing. Rajah 1.3 adalah contoh ves keselamatan yang perlu dipakai untuk bertugas semasa kecemasan.

Jadual 1.2: Pengenalan Kod Warna Topi Ahli ERT

BIL	AHLI ERT	KOD WARNA TOPI	
1.	Insiden Komander/ Timbalan Insiden Komander <i>Incident Commander</i> <i>/ Deputy Insiden Commander</i>	Putih	
2.	Sekuriti <i>Security</i>	Hitam	
3.	Warden Aras <i>Floor Warden</i>	Kuning	



GARIS PANDUAN PASUKAN BERTINDAK KECEMASAN

BIL	AHLI ERT	KOD WARNA TOPI	
4.	Penyelamat <i>Searcher & Rescue</i>	Oren	
5.	Pasukan Pemadam <i>Fire Team</i>	Merah	
6.	Pasukan Rawatan Bantu Mula	Hijau	
7	Pegawai Dokumentasi Historian	Biru Muda	



GARIS PANDUAN PASUKAN BERTINDAK KECEMASAN



Rajah 1.3: Contoh Ves Keselamatan

5.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

5.1 PELAN TINDAKAN KECEMASAN

Pelan tindakan kecemasan adalah perancangan secara sistematik yang perlu diambil tindakan oleh Pasukan Tindakan Kecemasan PTJ apabila berlaku kecemasan. Setiap PTJ perlu menyediakan satu pelan tindakan dan satu salinan pelan tindakan ini hendaklah diserahkan ke Bahagian Keselamatan UTM dan Pejabat atau Unit OSHE UTM.

Tujuan Pelan Tindakan Kecemasan ini disediakan adalah untuk membantu pengurusan PTJ menyiapkan diri bagi menghadapi situasi kecemasan. Apabila berlaku kecemasan Insiden Komander PTJ boleh merujuk kepada Pelan Tindakan Kecemasan ini untuk tindakan lanjut untuk menghadapi situasi kecemasan di tempat kerja mereka. Kandungan Pelan Tindakan Kecemasan adalah seperti yang berikut:

- (a) Definisi Tempat Kerja; bisnis utama, bidang tugas, dan kawasan persekitaran.
- (b) Definisi Kecemasan; kecemasan peringkat negara, kecemasan peringkat UTM, dan potensi kecemasan di tempat kerja.
- (c) Pasukan Tindakan Kecemasan; Struktur ERT UTM, struktur ERT PTJ, dan kod warna ERT.



GARIS PANDUAN PASUKAN BERTINDAK KECEMASAN

- (d) Sistem Arahan Semasa Insiden; insiden peringkat 1, 2, dan 3.
- (e) Lokasi peralatan untuk kecemasan; senarai peralatan, lokasi, orang yang bertanggungjawab serta no. telefon; Pelan lantai setiap aras yang menunjukkan lokasi penggera, alat pemadam api, gegelung hos, PPE, alat komunikasi, peti ubat, alat penafasan (SCBA), kit tumpahan bahan kimia dan lain-lain.
- (f) Pelan lantai menunjukkan arah laluan keluar ke tempat berkumpul.
- (g) Nombor telefon untuk dihubungi semasa kecemasan; No kecemasan PTJ, UTM, Bomba, polis, ambulan, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Bekalan Air Johor (SAJ) , Telekom Malaysia (TM), operator lif, dan lain-lain.
- (h) Prosedur-prosedur; prosedur untuk mendirikan pos tindakan, prosedur melapor hal kecemasan, prosedur pengungsian bangunan umum, prosedur pengungsian bangunan masa kebakaran, prosedur untuk tidak mengungsikan bangunan, prosedur bantuan perubatan, prosedur bantu mula perubatan, prosedur menangani keadaan cuaca yang ketara seperti banjir, jerebu, ribut, prosedur kawalan trafik dan orang yang tidak kepentingan, prosedur mengira jumlah pekerja, dan lain - lain.
- (i) Senarai kakitangan yang telah mengikuti latihan penggunaan peralatan pemadam api, peralatan kecemasan yang khusus, pertolongan cemas, dan latihan kecekapan khusus yang lain.
- (j) Kedudukan tempat berkumpul pandangan dari udara.
- (k) Bagaimana hendak mengguna APA, Gegelung hos, mengaktif alat penggera kebakaran, dan lain - lain.

5.2 PROSES MEMBERI ARAHAN MASA BERLAKU KECEMASAN

Apabila berlaku sesuatu kes kecemasan, Pasukan Tindakan Kecemasan perlu berkomunikasi untuk memaklumkan kes kemalangan kepada petugas yang berkenaan. Sistem arahan kecemasan ini adalah sebagai panduan untuk membantu melancarkan proses memaklumkan kes kemalangan supaya lebih efektif.



GARIS PANDUAN PASUKAN BERTINDAK KECEMASAN

5.3 ARAHAN TAHAP PERTAMA

Sistem arahan tahap pertama adalah untuk kes kecemasan peringkat 1 yang melibatkan proses pengungsian pada satu aras sahaja atau untuk proses yang tidak melibatkan proses pengungsian bangunan.

(a) **STAF/PELAJAR**

- Menemui Kecemasan Laporkan kepada Ketua Aras.

(b) **KETUA ARAS**

- Laporkan kepada Insiden Komander / Timbalan Insiden Komander (Ambil langkah pencegahan segera/bantuan kecemasan awal / pengungsian bangunan).

(c) **INSIDEN KOMANDER/TIMBALAN INSIDEN KOMANDER**

- Laporkan kepada Bahagian Keselamatan/OSHE/PKU. (Hubungi ERT yang berkaitan: Pasukan Pemadam/Pasukan Rawatan Bantu Mula)

(d) **BAHAGIAN KESELAMATAN**

- Hubungi bantuan luar sekiranya perlu: BOMBA/Polis/Jabatan Pertahanan Awam Malaysia.

5.4 ARAHAN TAHAP KEDUA

Sistem arahan tahap ketua adalah untuk kes kecemasan peringkat 2 yang melibatkan proses pengungsian keseluruhan bangunan yang terlibat sahaja.

(a) **STAF/PELAJAR**

- Menemui Kecemasan Laporkan kepada Warden Aras.

(b) **KETUA ARAS**

- Laporkan kepada Insiden Komander/ Timbalan Insiden Komander (Buat siasatan dan aktifkan amaran kebakaran, ambil langkah pencegahan segera/bantuan kecemasan awal/pengungsian bangunan, dari semasa ke semasa hubungi Insiden Komander utk memaklumkan situasi terkini kes kecemasan, laporkan bilangan pekerja yang telah berkumpul di tempat berkumpul)



GARIS PANDUAN PASUKAN BERTINDAK KECEMASAN

(c) INSIDEN KOMANDER/TIMBALAN INSIDEN KOMANDER

- Laporkan kepada Bahagian Keselamatan/OSHE/PKU.
(Hubungi ERT PTJ, hubungi Ketua PTJ, bina pos gerakan, aktif pasukan keselamatan, pemadam, bantuan kecemasan awal, penyelamat, buat kawalan parameter, dapatkan situasi terkini dari ketua aras, arahkan pegawai dokumentasi untuk membuat catatan kronologi, maklumkan situasi semasa kepada ketua PTJ, Bahagian Keselamatan, BOMBA dan lain-lain).

(d) BAHAGIAN KESELAMATAN

- Hubungi bantuan luar sekiranya perlu: BOMBA/Polis/Jabatan Pertahanan Awam Malaysia.
(Bantu pihak bantuan luar untuk ke tempat lokasi kejadian, gerakkan ERT universiti sekiranya perlu, hubungi Pejabat atau Unit OSHE, hubungi Ketua organisasi dan pegawai tinggi Universiti lain sekiranya perlu).

5.5 ARAHAN TAHAP KETIGA

Sistem arahan tahap ketiga adalah untuk kes kecemasan peringkat 3 yang melibatkan proses pengungsian keseluruhan bangunan dan bangunan yang berhampiran dengan bangunan yang terlibat. Kecemasan mungkin melibatkan beberapa PTJ atau beberapa bangunan dalam PTJ yang sama.

(a) STAF/PELAJAR

- Menemui Kecemasan Laporkan kepada Warden Aras.

(b) KETUA ARAS

- Laporkan kepada Insiden Komander / Timbalan Insiden Komander /Ketua Zon/ Ketua Blok.
(Buat siasatan dan aktifkan amaran kebakaran, ambil langkah pencegahan segera/bantuan kecemasan awal/pengungsian bangunan, dari semasa ke semasa hubungi Insiden Komander untuk memaklumkan situasi terkini kes kecemasan)

(c) KETUA BLOK

- Hubungi Insiden Komander/Timbalan Insiden Komander, hubungi ketua aras, ketua blok lain,



GARIS PANDUAN PASUKAN BERTINDAK KECEMASAN

(Selaraskan proses pengungsian bangunan dan pastikan pasukan kecemasan di maklumkan dengan menghubungi Insiden Komander. dan Bahagian Keselamatan UTM. Dari semasa ke semasa maklumkan situasi terkini kes kecemasan).

(d) INSIDEN KOMANDER / TIMBALAN INSIDEN KOMANDER

- Laporkan kepada Bahagian Keselamatan/OSHE/PKU/ Insiden Komander UTM.

(Hubungi ERT PTJ, hubungi Ketua ketua PTJ yang terlibat, bina pos gerakan, aktif pasukan keselamatan, pemadam, bantuan kecemasan awal, penyelamat, buat kawalan parameter, dapatkan situasi terkini dari warden aras, arahkan pegawai dokumentasi untuk membuat catatan kronologi, maklumkan situasi semasa kepada ketua PTJ, Bahagian Keselamatan, BOMBA dan lain-lain, apabila Insiden Komander UTM tiba terangkan situasi semasa dan serahkan tugas kepada Insiden Komander UTM)

(e) BAHAGIAN KESELAMATAN

- Hubungi bantuan luar sekiranya perlu: BOMBA/Polis/Jabatan Pertahanan Awam Malaysia.

(Bantu pihak bantuan luar untuk ke tempat lokasi kejadian, gerakkan ERT universiti, hubungi Pejabat atau Unit OSHE, hubungi Ketua organisasi dan pegawai tinggi Universiti lain sekiranya perlu).

(f) INSIDEN KOMANDER UTM

- Hubungi ERT Universiti, hubungi NC dan lain lain pegawai tinggi Universiti. (Gerakkan ERT universiti, Hubungi ERT PTJ, hubungi Ketua organisasi, bina pos gerakan, aktif pasukan keselamatan, pemadam, bantuan kecemasan awal, penyelamat, buat kawalan parameter, dapatkan situasi terkini dari Insiden Komander PTJ, arahkan pegawai dokumentasi untuk membuat catatan kronologi, maklumkan situasi semasa kepada ketua organisasi, pasukan BOMBA dan lain-lain).

GARIS PANDUAN PASUKAN BERTINDAK KECEMASAN

6.0 LATIHAN DAN KURSUS

Penyelarasan Pasukan ERT perlu merancang latihan dan kursus yang perlu dihadiri oleh ahli ERT yang dilantik pada tahun pertama lantikan. Antara latihan dan kursus yang diperlukan adalah seperti:

- i) Kursus Asas Bomba.
- ii) Kursus Asas Pertolongan Cemas.
- iii) Kursus Bahan Kimia dan Pengendalian Tumpahan.
- iv) Kursus yang berkaitan.

7.0 RUMUSAN

Penubuhan Pasukan Bertindak Kecemasan (ERT) adalah penting dalam sesebuah organisasi. Pengetahuan setiap ahli dalam Pasukan ERT hendaklah sentiasa dipertingkatkan di seperti menghadiri latihan dan kursus-kursus yang berkaitan serta pemahaman setiap tugas adalah perlu diberikan perhatian oleh setiap ketua atau majikan di tempat kerja.

RUJUKAN

Akta Bangunan Seragam 1984

Akta Perkhidmatan Bomba 1988

MS982:1985 *Specification for Fire Safety Signs, Notices and Graphic Symbols*

MS 2558:2014 *Spesifikasi Penggunaan Tanda Amaran Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja*